



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 12 NOVEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# KPDN gempur, patahkan ketirisan minyak masak bersubsidi, gula

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menggempur aktiviti menyeludup atau premis menyimpan stok minyak masak peket bersubsidi serta gula bagi mengelak ketirisan.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, dalam konteks ini, kerjasama orang ramai diperlukan untuk membuat aduan dalam merealisasikan ‘Kita Gempur’.

“KPDN akan serbu, tetapi sebelum serbuan dilakukan, perlu ada aduan dan risikan. Oleh itu kita minta kerjasama orang ramai sekiranya ada masalah atau maklumat melibatkan penyeludupan minyak masak untuk diadukan kepada pihak KPDN,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, media melaporkan, KPDN menggempur sebuah restoran di ibu kota yang menyembunyikan bekalan minyak masak paket bersubsidi dalam kuantiti banyak di sebuah setor di premisnya.

Dalam operasi pada 5 petang itu, sebanyak 260 kilogram (kg) minyak masak paket dua jenama bernilai RM650 turut disita.

KPDN Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur berkata, operasi dilakukan hasil aduan



**FUZIAH SALLEH**

diterima pihaknya membabitkan premis itu yang menerima bekalan minyak masak paket daripada sebuah lori *bonded* dalam kuantiti banyak.

Tambah Fuziah, pihaknya juga sedang dalam usaha mengkaji mekanisme untuk menjelaki rantaian pengedaran minyak masak bersubsidi termasuk penggunaan nombor kumpulan pada setiap peket barang itu.

Katanya langkah itu dilakukan untuk membanteras ketirisan minyak masak bersubsidi sama ada di peringkat peruncit, pemborong dan pembungkus.



## Tidak salah caj RM1 bilik berhawa dingin

KUALA LUMPUR – Restoran nasi lemak terkenal di Kampung Baru yang mengenakan caj RM1 bagi bilik makan berhawa dingin didapati tidak melakukan sebarang kesalahan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kuala Lumpur berkata, pihaknya terkesan gambar di media sosial menunjukkan resit

RM1 bayaran bilik berhawa dingin bertarikh 5 November lalu.

"Hasil pemeriksaan mendapati harga bagi makanan, minuman serta caj perkhidmatan mematuhi dasar harga terangkum seperti yang diperuntukkan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Oleh Raja Noraina  
Raja Rahim  
rnoraina@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Tiga individu ditahan kerana disyaki terbabit dalam penjualan minyak pelincir dan minyak transmisi automatik kenderaan (ATF) palsu dalam serbuan berasingan di Lembah Klang, minggu lalu.

Ketiga-tiga lelaki berusia 30-an itu ditahan pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang menjalankan serbuan pada jam 11 pagi, 5 November lalu.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, pasukannya menyerbu tiga premis di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor secara serentak susulan aduan awam berhubung aktiviti berkenaan.

"Hasil maklumat awal, kesemua premis itu menjalankan perniagaan menjual dan mengedar minyak pelincir serta ATF jenama terkenal yang disyaki tiruan.

"Modus operandi ketiga-tiga premis ini adalah dengan mengedar barang terbabit untuk pasaran sekitar Lembah Klang dan turut menjual secara dalam talian kepada pengguna melalui platform e-dagang," katanya.

Azman berkata, dalam serbuan itu, pasukannya menahan tiga lelaki tempatan mengaku bertanggungjawab ke atas premis berkenaan bagi membantu siasatan.

Beliau berkata, pihaknya turut merampas 3,631 unit minyak pelincir, ATF (3,605 unit), penyejuk radiator (710 unit) dan penapis udara kenderaan (190 unit) yang disyaki dipakaikan cap dagangan secara salah mengikut Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

"Kesemua barang di-



PEGAWAI KPDN memeriksa minyak pelincir dan minyak transmisi automatik kenderaan disyaki palsu dalam serbuan di tiga premis di Kuala Lumpur serta Selangor.

**3 DITAHAN JUAL MINYAK PELINCIR PALSU**

# Edar barang tiruan online

**3,631**

Bilangan unit minyak pelincir yang dirampas dalam serbuan.

anggarkan bernilai keseluruhan RM396,469 bersama beberapa dokumen perniagaan disita bagi tujuan siasatan," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Subseksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 manakala syarikat terbabit disiasat menurut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

## KPDN gempur premis jual bendalir tiruan

**PUTRAJAYA** - Padah menjual minyak pelincir dan transmisi automatik kenderaan disyaki tiruan, tiga premis di sekitar Lembah Klang diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, operasi dilakukan serentak pada Selasa lalu menemukan sejumlah 3,631 unit minyak pelincir, 3,605 minyak transmisi automatik, 710 unit penyejuk radiator, 190 unit penapis udara kenderaan disyaki dipakaikan cap dagangan secara salah di bawah Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

Se semua barang itu bersama beberapa dokumen perniagaan lain disita bagi tujuan siasatan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM396,469.

"Tiga lelaki tempatan mengaku bertanggungjawab terhadap premis diperiksa ditahan bagi membantu siasatan.

"Hasil aduan wakil pemilik cap dagangan berdaftar dan risikan awal KPDN mendapati, semua premis ini menjalankan perniagaan menjual dan mengedar bendalir kenderaan



Penguat kuasa KPDN memeriksa produk disyaki tiruan dalam serbuan di premis sekitar Lembah Klang.

jenama terkenal disyaki tiruan.

"Modus operandi ketiga-tiga premis ini adalah mengedar barang tiruan untuk pasaran di sekitar Lembah Klang selain dijual secara dalam talian," katanya menerusi satu kenyataan pada Isnin.

Ujar Azman, kertas siasatan dibuka mengikut Subseksyen 102(1) (c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalannya bagi maksud perdagangan apa-apa barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah.

"Syarikat terbabit juga disiasat mengikut Akta Pencegahan Pen-

gubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUAA 2001)," jelasnya.

Dalam pada itu, Azman memberi amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak menjual barang tanpa kebenaran pemilik cap dagangan berdaftar sah.

"Pengguna turut dinasihatkan berhati-hati dan tidak menyokong aktiviti penjualan barang tiruan kerana boleh mengakibatkan kerusakan enjin dan mekanikal kenderaan selain dikhuatir mengancam keselamatan pengguna," katanya.

## Tidak salah caj RM1 guna bilik berhawa dingin

**KUALA LUMPUR** - Sebuah restoran terkenal di Kampung Baru, di sini tidak melakukan sebarang kesalahan apabila mengenakan caj RM1 kepada pelanggan yang menggunakan bilik berhawa dingin.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) memaklumkan, pemeriksaan mendapati, harga makanan, minuman serta caj perkhidmatan itu mematuhi dasar harga terangkum di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Menurutnya, pemerhatian anggota penguat kuasa juga mendapati notis caj RM1 itu dipamerkan dengan jelas di kawasan pintu masuk dan mudah dilihat oleh para pelanggan.

"Pekerja premis juga akan

memberitahu terlebih dahulu kepada pelanggan yang ingin masuk ke dalam bilik berhawa dingin berkenaan.

"Melalui keterangan pekerja restoran, caj tersebut telah dikenakan kepada pelanggan sejak tiga tahun lepas," katanya menerusi kenyataan.

Sebelum ini tular di aplikasi X berkaitan restoran nasi lemak yang terkenal dalam kalangan pelancong asing itu mengenakan caj RM1 bagi bilik makan yang berhawa dingin.

KPDN WPKL memaklumkan, caj perkhidmatan itu dikenakan kepada pelanggan dewasa manakala tiada caj kepada kanak-kanak berumur 10 tahun dan ke bawah.

Ujarnya, pihak restoran juga mengeluarkan resit kepada pelanggan yang menggunakan bilik tersebut sebagai bukti pembayaran.



Restoran nasi lemak terkenal di Kampung Baru menarik perhatian umum selepas seorang pengguna media sosial menularkan caj RM1 dikenakan oleh restoran tersebut.

## Less workshop worries with counterfeit oil operation bust

**PUTRAJAYA:** The Domestic Trade and Consumer Protection Ministry has detained three men and seized more than 7,000 bottles of suspected counterfeit lubricants and automatic transmission oil in an operation in the Klang Valley.

Its Enforcement director-general Datuk Azman Adam said the three men – all locals in their 30s – were arrested at 11am at sepa-

rate premises in Kuala Lumpur and Selangor last Tuesday.

He said 3,631 bottles of lubricating oil and 3,605 bottles of automatic transmission oil were seized from the three premises for having false trademarks, which is an offence under the Trademarks Act 2019 (Act 815).

"Also seized were 710 units of radiator coolant and 190 units of vehicle air filters, as well as some

documents," he said in a statement to Bernama yesterday.

He said the total value of the seizure was estimated at RM396,469.

The modus operandi of these three premises was to distribute the lubricants and transmission oil for the market in the Klang Valley. They also sold to consumers through an online market platform," he added.

Azman said the case was investigated under Section 102(1)(c) of the Trademark Act 2019, for possession, custody or control of goods for which a registered trademark has been used incorrectly, and also under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (Act 613).

He advised consumers to

always be careful and not to support the sale of counterfeit goods, including suspected fake lubricants and automatic transmission oil.

"This is because counterfeit oil can damage the vehicle's engine and mechanical system.

"Additionally, there are concerns that it could lead to accidents and pose a threat to the user's safety," he said.

国内贸易及生活费部联邦直辖区吉隆坡分局官员到访吉隆坡一油站的便利商店，调查该店售出的瓶装饮料是否出现抬高价格及牟取暴利的情况。（KPDN WPKL提供）



## 油站便利店100 PLUS貴賣 官員根據視頻上門查

（吉隆坡11日讯）国内贸易及生活费部联邦直辖区吉隆坡分局根据网络上流传的视频，到访吉隆坡一油站的便利商店，并援引2011年价格管制及反暴利法令第21条文发出通知书，以获取特定商品的售价、供应商和成本信息等，从而分析是否发生抬高价格及牟取暴利的情况。

当局指出，网络上疯传的视频内容显示，一非政府组织的主席指，该油站的便利商店以3令吉60仙售卖每瓶500毫升瓶装的100 PLUS饮料。

执法人员事后到事发地点核实信息，并发现该瓶装饮料售价确实是每瓶3令吉60仙，而且价格标签清晰可见，可供顾客查看。同时，该便利商店正对

多种商品进行促销，其中包括上述提及的瓶装饮料，购买两瓶的价格则为4令吉50仙。

当局在发出通知书后的下一步行动将会是根据2011年价格管制及反暴利法令进行调查程序。

当局提醒商家，若各类食品的价格及服务费有所变动，商家应及时更新标价，并提供清晰的商品价格资料。

民众若有投诉或情报提供，可通过投诉官网（<https://eaduan.kpdn.gov.my>）、热线（1800-886-800）、电邮（e-aduan@kpdn.gov.my）、手机应用程式（Ez ADU KPDN）、执法部（03-8882 6088/6245）或WhatsApp（019-848 8000）方式来联络该部。



■ 責人。  
內貿部吉隆坡分局官員詢問便利商店負

## 100 PLUS賣RM3.60 內貿部查油站便利店

(吉隆坡11日讯)社交媒体日前流传某油站便利商店被指以3令吉60仙售卖500毫升瓶装100 PLUS饮料的视频，引起国内贸易及生活成本部联邦直辖区吉隆坡分局注意，派员上门检查后并向业者发出通知书以获取相关资料。

该局发文告指出，他们是在根据一个非政府组织主席透过“Tiktok”发布的视频，到售卖各种物品的有关便利商店检查后发现确有此事，并援引2011年价格管制及反暴利法令第21条文发出通知书，以获取特定商品的售价、供应商和成本信息等，从而分析是否发生抬高价格及牟取暴利的情况。

“初步调查显示，便利商店负责人证实涉事的分店是由售卖有关饮料的地点。

“有关价格标签清晰可见，可供顾客查看，同时，该便利商店正对多种商品进行促销，其中包括上述提及的瓶装饮料，购买两瓶的价格则为4令吉50仙。”

内贸部吉隆坡分局指出，该局在发出通知书后，将根据2011年价格

管制及反暴利法令进行调查程序。

他们也提醒商家，若各类食品的价格及服务费有所变动，商家应及时更新标价，并提供清晰的商品价格资料。

民众若有投诉或情报提供，可通过投诉官网 (<https://eaduan.kpdn.gov.my>)、热线 (1800-886-800)、电邮 (e-aduan@kpdn.gov.my)、手机应用程式 (EZ ADU KPDN)、执法部 (03-8882 6088/6245) 或 WhatsApp (019-848 8000) 方式来联络该部。



■ 非政府组织主席透过社交媒体。揭发便利商店贵卖100 PLUS饮料。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Tidak sabar tunggu pendedahan kartel

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI  
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Pesawah tidak sabar menunggu laporan berkaitan kartel padi dan beras yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali gus membanteras barah dalam industri pertanian negara selama ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, sudah tiba masanya reformasi dalam industri itu dilaksanakan ketika kebanyakannya pihak seakan-akan pejam mata terhadap kepincangan yang berlaku hingga membenarkan kartel bermaharajalela.

Katanya, ini merupakan masa yang tepat untuk membela kembali nasib petani dan menghapuskan kartel ketika golongan pesawah terbebas dengan peningkatan kos yang membawa kesan besar terhadap pendapatan dan motivasi mereka dalam memperjuangkan keterjaminan makanan negara.

“Langkah kerajaan melakukan reformasi ini termasuk berusaha membersihkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) wajar dipuji. Tindakan ini sepertinya sudah diambil lama dulu tetapi tiada pihak yang benar-benar serius mengusahakannya.

“Kita bukan mahu menyebelahi mana-mana pihak tetapi perkara ini wajar dilakukan oleh sesiapa pun yang berkuasa dan menjadi kerajaan. Ini langkah yang ditunggu-tunggu sejak sekian lama dan jika bukan sekarang, sampai bila agaknya kita mahu melihat golongan petani terus ditindas,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Dr. Fuziah Salleh berkata, laporan kajian berkenaan kartel padi dan beras akan diumumkan oleh Perdana Menteri dalam masa terdekat.

Menurut Fuziah, beliau sudah meneliti laporan disiapkan Suruhanjaya Persaingan Malay-

sia (MyCC) namun tidak boleh mendedahkan intipatinya kerana enggan mendahului Perdana Menteri.

Mengulas lanjut Abdul Rashid berkata, golongan yang terlibat dalam industri pertanian negara sedar bahawa perperangan melawan kartel bukan sesuatu yang mudah kerana ianya sudah berleluasa sejak sekian lama.

“Maka kita berharap agar usaha memerangi mereka ini tidak terhenti separuh jalan. Lakukan secara bersungguh-sungguh dan sentiasa lipat gandakan usaha untuk membanteras mereka bagi membela nasib petani.

“Diakui memang banyak cabaran untuk menentang kartel kerana mereka bukan hanya menguasai industri, malah turut menguasai kerajaan. Disebabkan itu, kami berharap usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak agar industri padi dan beras negara dapat terus maju serta mendatangkan lebih banyak kebaikan kepada petani,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Urus penyasaran subsidi RON95 dengan lebih efisien

**BAHAN** api RON95 merupakan antara subsidi utama yang diperkenalkan kerajaan bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat. Namun, kos subsidi ini semakin meningkat setiap tahun, sekali gus memberi tekanan kepada kewangan negara. Oleh itu, langkah rasionalisasi subsidi bahan api RON95 mula dipertimbangkan bagi memastikan ia hanya disalurkan kepada golongan yang benar-benar layak.

Rasionalisasi ini boleh melibatkan beberapa pendekatan bagi mengurangkan ketirisan dan memastikan sumber kewangan negara digunakan dengan lebih efisien.

Satu cadangan utama yang boleh dipertimbangkan adalah penghapusan subsidi RON95 untuk semua pihak, dengan alternatif bantuan kewangan bulanan sebanyak RM200, yang akan dikreditkan kepada 85 peratus rakyat yang layak. Pendekatan memastikan hanya golongan sasaran yang menerima bantuan, mengelakkan subsidi daripada dinikmati oleh golongan kaya dan warga asing. Pemberian tunai ini juga lebih fleksibel, kerana rakyat boleh menggunakan wang tersebut untuk memenuhi keperluan lain.

Selain itu, kerajaan boleh mempertimbangkan sistem kuota bahan api untuk golongan sasaran. Melalui pendekatan ini, rakyat yang layak boleh menikmati harga subsidi untuk sejumlah liter bahan api setiap bulan, manakala lebihan penggunaan akan dikenakan harga pasaran. Sistem ini bukan sahaja mampu mengurangkan ketirisan, malah menggalakkan penggunaan bahan api secara bijak dan mengurangkan pembaziran.

Sistem subsidi bersasar melalui kad khas juga boleh diperkenalkan. Rakyat yang layak akan diberikan kad subsidi yang boleh digunakan di stesen minyak. Dengan cara ini, hanya golongan yang benar-benar memerlukan akan menikmati subsidi, manakala golongan yang berpendapatan tinggi perlu membayar harga pasaran.

Kad ini juga boleh dihubungkan dengan data pendapatan rakyat sekali gus memudahkan proses pemantauan dan mengurangkan ketirisan.

Cadangan lain yang boleh diperhalusi adalah dengan mengurangkan kadar subsidi secara beransur-ansur, bagi mengelakkan kejutan ekonomi dan rakyat. Sebagai contoh, kerajaan boleh menurunkan kadar

subsidi sebanyak 10 peratus setiap tahun bagi tempoh lima tahun, sehingga subsidi dihentikan sepenuhnya. Kaedah ini memberi ruang kepada rakyat untuk menyesuaikan diri secara berperingkat dan mengurangkan impak langsung ke atas kos sara hidup.

Selain itu, subsidi boleh disalurkan dalam bentuk potongan cukai bagi golongan B40 dan M40. Kaedah ini akan lebih bersasar dan memanfaatkan rakyat yang benar-benar memerlukan, di samping mengurangkan bebanan kewangan kepada golongan pertengahan yang juga terkesan oleh kos bahan api. Potongan cukai ini juga memberi kelebihan kepada kerajaan dalam meningkatkan hasil pendapatan melalui pengurangan subsidi langsung.

Penggunaan teknologi dalam pemantauan subsidi juga boleh diperluaskan melalui aplikasi mudah alih. Dengan teknologi, kerajaan dapat mengawal aliran subsidi dengan lebih telus dan mengurangkan risiko penyeleweng serta ketirisan subsidi.

Penggalakan penggunaan kenderaan awam juga merupakan langkah sokongan yang wajar dipertimbangkan bersama rasionalisasi subsidi. Dengan meningkatkan kualiti dan kekerapan pengangkutan awam, rakyat dapat menikmati alternatif kepada penggunaan kenderaan peribadi. Langkah ini bukan sahaja mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan api, malah dapat membantu mengurangkan kesesakan trafik dan pencemaran udara.

Kempen kesedaran yang berterusan akan memberi pemahaman yang lebih baik kepada rakyat tentang pentingnya subsidi bersasar dan mengurangkan pembaziran bahan api dalam kehidupan sehari-hari.

Pelaksanaan rasionalisasi subsidi RON95 perlu dilakukan dengan berhati-hati dan melibatkan pandangan rakyat serta pakar ekonomi. Rundingan yang menyeluruh dan penilaian impak sosial harus diutamakan bagi memastikan langkah ini dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Dengan pendekatan yang bersesuaian, subsidi RON95 dapat dirasionalisasi tanpa menjelaskan kesejahteraan rakyat dan kestabilan ekonomi negara.

**AZIZUL RAHMAN ABDUL RAHMAN**  
Tokoh Guru Kebangsaan

**LANGKAH**  
rasionalisasi  
subsidi bahan  
api RON95  
dipertimbangkan  
bagi memastikan  
ia hanya  
disalurkan  
kepada golongan  
yang benar-benar  
layak.



# Gagal seludup gula, minyak masak

**Kota Bharu:** Sebanyak 13,000 kilogram (kg) gula untuk diseludup ke Thailand dirampas Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara dalam Op Taring Wawasan Kelantan di Kampung Kulim Wakaf Bharu, Tumpat kelmarin.

Komander Briged Tenggara PGA SAC Datuk Nik Ros Azhan Ab Hamid berkata, rampasan dilakukan sepasukan anggota Battalion 8 pada 5 petang selepas menahan sebuah lori jenis Isuzu dipandu lelaki dalam keadaan mencurigakan.

“Hasil pemeriksaan di bahagian belakang lori, ditemui barang runcit iaitu gula kasar tanpa dokumen yang sah.

“Suspek yang ditahan ialah seorang lelaki berumur 26 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup gula itu ke negara jiran,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, keseluruhan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM40,285.20 dan kesemua barang rampasan serta suspek dibawa ke Balai Polis Wakaf Bharu

**“Suspek yang ditahan seorang lelaki berusia 26 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup gula itu ke negara jiran”**

*Komander Briged Tenggara PGA SAC  
Datuk Nik Ros Azhan  
Ab Hamid*

untuk tindakan lanjut di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sementara itu, dalam kejadian berasingan pada 6 petang di kampung sama, anggota Battalion 8 turut menumpaskan kegiatan penyeludupan minyak masak.

Nik Ros Azhan berkata, rampasan dilakukan selepas menahan sebuah lori Daihatsu dan sebuah van jenis Toyota Hiace dalam keadaan mencurigakan di tepi jalan.

“Hasil pemeriksaan di temui 300 kotak minyak masak dalam dua kenderaan itu tanpa dokumen yang sah,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 NOVEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Nov	KPDN serbu premis jual minyak pelincir tiruan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/695854/berita/semasa/kpdn-serbu-premis-jual-minyak-pelincir-tiruan">https://www.sinarharian.com.my/article/695854/berita/semasa/kpdn-serbu-premis-jual-minyak-pelincir-tiruan</a>	SINAR HARIAN
12-Nov	KPDN: Three men detained, counterfeit lubricant, automatic transmission oil seized	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/11/1132692/kpdn-three-men-detained-counterfeit-lubricant-automatic">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/11/1132692/kpdn-three-men-detained-counterfeit-lubricant-automatic</a>	NEW STRAITS TIMES
12-Nov	Disyaki jual minyak pelincir, ATF tiruan, 3 lelaki ditahan KPDN	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/disyaki-jual-minyak-pelincir-atf-tiruan-3-lelaki-ditahan-kpdn/">https://www.buletintv3.my/nasional/disyaki-jual-minyak-pelincir-atf-tiruan-3-lelaki-ditahan-kpdn/</a>	BULEITN TV3
12-Nov	KPDN rampas lebih 7,000 botol minyak pelincir, minyak transmisi automatik kenderaan tiruan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-lebih-7000-botol-minyak-pelincir-minyak-transmisi-automatik-kenderaan-tiruan-495731">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-lebih-7000-botol-minyak-pelincir-minyak-transmisi-automatik-kenderaan-tiruan-495731</a>	ASTRO AWANI
12-Nov	KPDN rampas lebih 7,000 botol minyak pelincir, minyak transmisi automatik kenderaan tiruan	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322437/kpdn-rampas-lebih-7000-botol-minyak-pelincir-minyak-transmisi">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322437/kpdn-rampas-lebih-7000-botol-minyak-pelincir-minyak-transmisi</a>	BERITA HARIAN
12-Nov	KPDN tahan tiga individu disyaki jual minyak pelincir kenderaan tiruan	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-tahan-tiga-individu-disyaki-jual-minyak-pelincir-kenderaan-tiruan">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-tahan-tiga-individu-disyaki-jual-minyak-pelincir-kenderaan-tiruan</a>	BERITA RTM
12-Nov	Three men detained, counterfeit lubricant, automatic transmission oil seized - KPDN	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/three-men-detained-counterfeit-lubricant-automatic-transmission-oil-seized-kpdn-NG13268995">https://thesun.my/malaysia-news/three-men-detained-counterfeit-lubricant-automatic-transmission-oil-seized-kpdn-NG13268995</a>	THE SUN
12-Nov	Tiga lelaki ditahan disyaki terbabit jualan minyak pelincir, ATF palsu	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1153697/tiga-lelaki-ditahan-disyaki-terbabit-jualan-minyak-pelincir-atf-palsu">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1153697/tiga-lelaki-ditahan-disyaki-terbabit-jualan-minyak-pelincir-atf-palsu</a>	HARIAN METRO
12-Nov	KPDN keluar notis terhadap premis tular jual air isotonik RM3.60 sebotol	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1153824/kpdn-keluar-notis-terhadap-premis-tular-jual-air-isotonik-rm360-sebotol">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1153824/kpdn-keluar-notis-terhadap-premis-tular-jual-air-isotonik-rm360-sebotol</a>	HARIAN METRO

12-Nov	Wholesaler behind restaurant's illegal cooking oil stockpile identified	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/11/1132698/wholesaler-behind-restaurants-illegal-cooking-oil-stockpile">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/11/1132698/wholesaler-behind-restaurants-illegal-cooking-oil-stockpile</a>	NEW STRAITS TIMES
12-Nov	Pendekatan hati-hati, mekanisme khusus pastikan rakyat tak terbeban kos sara hidup tinggi	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322343/pendekatan-hati-hati-mekanisme-khusus-pastikan-rakyat-tak-terbeban">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322343/pendekatan-hati-hati-mekanisme-khusus-pastikan-rakyat-tak-terbeban</a>	BERITA HARIAN
12-Nov	Govt balancing revenue growth, easing cost of living, Dewan Rakyat told	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1132749/govt-balancing-revenue-growth-easing-cost-living-dewan-rakyat-told">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/11/1132749/govt-balancing-revenue-growth-easing-cost-living-dewan-rakyat-told</a>	NEW STRAITS TIMES
12-Nov	Patenkan ikan celup tepung – MyIPO	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/patenkan-ikan-celup-tepung-myipo/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/patenkan-ikan-celup-tepung-myipo/</a>	UTUSAN MALAYSIA
12-Nov	Tiada kesalahan caj RM1 pelanggan guna bilik berhawa dingin - KPDN	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/695963/berita/semasa/tiada-kesalahan-caj-rm1-pelanggan-guna-bilik-berhawa-dingin---kpdn">https://www.sinarharian.com.my/article/695963/berita/semasa/tiada-kesalahan-caj-rm1-pelanggan-guna-bilik-berhawa-dingin---kpdn</a>	SINAR HARIAN
12-Nov	'Kita Gempur' patahkan ketirisan minyak masak subsidi, gula	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kita-gempur-patahkan-ketirisan-minyak-masak-subsidi-gula/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kita-gempur-patahkan-ketirisan-minyak-masak-subsidi-gula/</a>	UTUSAN MALAYSIA
12-Nov	Menteri bangkitkan harga beras RM2.60 sekilo terlalu rendah	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/725613">https://www.malaysiakini.com/news/725613</a>	MALAYSIA KINI
12-Nov	'Nak makan dalam bilik sejuk, caj RM1 kedekut bayar'	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/11/11/nak-makan-dalam-bilik-sejuk-caj-rm1-kedekut-bayar/">https://www.kosmo.com.my/2024/11/11/nak-makan-dalam-bilik-sejuk-caj-rm1-kedekut-bayar/</a>	KOSMO
12-Nov	Tiada kesalahan caj RM1 pelanggan guna bilik berhawa dingin - KPDN	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/695963/berita/semasa/tiada-kesalahan-caj-rm1-pelanggan-guna-bilik-berhawa-dingin---kpdn">https://www.sinarharian.com.my/article/695963/berita/semasa/tiada-kesalahan-caj-rm1-pelanggan-guna-bilik-berhawa-dingin---kpdn</a>	SINAR HARIAN
12-Nov	Popular Nasi Lemak Restaurant Charges RM1 For AC Room, KPDN Says Nothing Wrong With That	<a href="https://www.therakyatpost.com/news/2024/11/11/popular-nasi-lemak-restaurant-charges-rm1-for-ac-room-kpdn-says-nothing-wrong-with-that/">https://www.therakyatpost.com/news/2024/11/11/popular-nasi-lemak-restaurant-charges-rm1-for-ac-room-kpdn-says-nothing-wrong-with-that/</a>	THE RAKYAT POST